



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

4 FEBRUARI 2023 (SABTU)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

4 FEBRUARI 2023 (SABTU)



Dapat sambutan

PENGUNJUNG Restoran Ali Maju di Wisma Sri Rampai, Wangsa Maju mendapatkan set makanan Menu Rahmah berharga RM5 yang mengandungi sepiring nasi, lauk ikan dan sayur. - UTUSAN/AMIR KHALID

Menu Rahmah bantu berjimat

Oleh **TENGKU DANISH BAHRI**
TENGKU YUSOFF
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA NERUS: Menu Rahmah yang diperkenalkan kerajaan benar-benar membantu rakyat berjimat-cermat dalam keadaan hampir semua barang terutama makanan mengalami kenaikan harga.

Seorang pengguna, Mohd. Arif Hishamudin, 44, berkata, Menu Rahmah merupakan antara langkah terbaik dibuat kerajaan dalam membantu rakyat sambil berharap ianya tidak hanya bersifat sementara.

Menurut pengawal keselamatan itu, dia dapat mengurangkan kos perbelanjaan harian sebanyak lebih 50 peratus berbanding kebiasaan selepas Menu Rahmah diperkenalkan.

"Sebelum ini sekali makan nasi lauk ayam atau ikan, sayur dan air boleh mencecah sehingga RM10 atau lebih. Tetapi kini semua itu boleh didapati pada harga RM4.90 dengan Menu Rahmah.

"Bagi yang mempunyai ramai tanggungan hidangan Menu Rahmah antara jalan penyelesaian mengatas isu kos sara hidup dan harga bahan mentah yang semakin naik.

"Jadi saya harap usaha ini tersus dikekalkan atau lebih baik lagi diperluaskan agar lebih ramai rakyat menerima manfaat dari pada Menu Rahmah ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.



PELANGGAN beratur bagi mendapatkan hidangan Menu Rahmah berharga RM4.90 di sebuah pasar raya di Kuala Nerus, Terengganu, semalam. - UTUSAN/TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF

Bagi penjawat awam yang mahu dikenali sebagai Sara, 29, walaupun Menu Rahmah berharga RM4.90, namun dia mendapati menu yang ditawarkan berkualiti dan baik untuk rakyat.

Katanya, hidangan tersebut

sudah berbaloi dan sangat menjaminkan perbelanjaan orang ramai berbanding sebelum ini sekali gus menyambut baik langkah diambil kerajaan itu.

"Ada pelbagai pilihan hidangan setiap hari antaranya nasi dengan ayam masak kari, sambal

atau kicap, ikan serta sayur," katanya.

Tambahnya lagi, pengenalan Menu Rahmah cukup melegakan rakyat terutama golongan miskin tegar dan B40 ketika negara dihimpit isu kenaikan kos sara hidup dan harga barang.

Menu Rahmah diperluas ke IPT

PETALING JAYA: Menu Rahmah yang menyediakan makanan berharga bawah RM5 akan dilaksanakan di semua institut pengajian (IPT) di negara ini tidak lama lagi.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, penyediaan menu itu akan dilaksanakan dengan kerjasama di peringkat universiti serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Program Menu Rahmah memang akan dibawa masuk ke universiti dalam masa terdekat dan perkara ini sedang dibincangkan dengan KPDN.

"Insyah-Allah, program ini akan masuk ke IPT tidak lama lagi. Saya percaya semua IPT awam mahupun swasta tiada masalah untuk menempatkan atau menyediakan ruang bagi menjayakan program ini," katanya dalam sidang akbar di ibu negara semalam.

Minggu lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub memperkenalkan program Menu Rahmah sebagai respon kepada kenaikan kos dan harga barang serta bekalan makanan.

Menu Rahmah merupakan hidangan makanan berharga RM5 ke bawah khusus untuk golongan miskin tegar merangkumi nasi, ayam atau ikan dan sayur.

Menu itu meliputi makanan tengah hari dan malam masing-masing pada harga RM5 di hampir 15,000 premis makanan di seluruh negara.

Program ini turut disertai oleh Mydin dan mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung pasar raya tersebut.

Malah, restoran mamak di seluruh negara turut komited dalam menjayakan kempen Menu Rahmah, dengan menawarkan harga jauh lebih murah berbanding harga asal.

Menu Rahmah
RM5 akan
diperluas
ke semua
IPT di seluruh
negara

Nasional 8



Menu Rahmah diperluas ke IPT awam, swasta

Inisiatif dilaksana dengan kerjasama KPDN

Oleh Essa Abu Yamin dan Nuratikah Athiya Hassan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Program Menu Rahmah yang menawarkan makanan pada harga RM5 akan diperluaskan ke institusi pengajian tinggi (IPT) dalam masa terdekat, kata Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled.

Beliau memaklumkan, inisiatif itu akan dilaksanakan kementerianya dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Insya-Allah, program ini akan masuk IPT tak lama lagi. Saya percaya semua IPT awam maupun swasta tiada masalah untuk menjayakan program ini," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pengelancaran Universiti UCSI Campus Bangladesh, di sini semalam.

Menu Rahmah dilancarkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub pada Selasa lalu, disertai lebih 15,000 restoran yang menawarkan hidangan tengah hari dan malam pada harga RM5 untuk golongan B40.

Dalam perkembangan berkaitan, pemimpin pelajar dalam maklum balas kepada BH semalam, memberi pandangan berbeza dengan harga rata-rata harga



Mohamed Khaled pada sidang media selepas Majlis Pengelancaran Kampus Cawangan Antarabangsa di Bangladesh UCSI University di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Azhar Ramli/BH)

makanan di IPT negara ini, ada yang masih terkawal dan mampu dibeli, namun ada juga sebaliknya.

Harga masih berpatutan

Ketua Penerangan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK), Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), Muhammad Asfa Irfan Mohamed Razi, berkata harga yang ditawarkan di kafeteria universiti itu masih berpatutan.

"Makanan di sini masih lagi mesra poket bagi mahasiswa kerana anggaran dalam RM4.50 pun boleh dapat satu komposisi makanan lengkap. Harga makanan di kampus memang dititikberatkan oleh pihak pengurusan universiti kami."

"Malah satu jawatankuasa tindakan sara hidup turut ditubuhkan bagi memantau harga ma-

kanan di kafeteria UniSZA. Harga makanan seperti dalam Menu Rahmah memang ada di kampus universiti kami kerana faktor ekonomi setempat.

"Memandangkan UniSZA terletak di Pantai Timur dan kos bahan mentah lebih murah, pihak kafeteria boleh menawarkan harga makanan yang berpatutan," katanya.

Bagaimanapun, Timbalan Naib Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa Selangor Universiti Malaya (PERMAS UM), Anas Akmal Arman Alim, memaklumkan harta kebanyakan makanan di kampus sebenarnya tidak terkawal.

"Banyak isu timbul seperti harga tak tetap setiap hari, kadangkala tidak masuk akal. Sebelum ini, Menu Keluarga Malaysia dilancarkan, namun tidak menyeluruh kerana hanya di be-

berapa kafeteria sesetengah kolej kediaman sahaja.

"Harga makanan dalam Menu Keluarga Malaysia sebelum ini pun lebih kurang sama dengan Menu Rahmah, iaitu antara RM3.50 hingga RM5, namun kecuali kos sara hidup mengakibatkan harga makanan di kampus tidak menentu," katanya.

Beliau berkata, kesempitan ekonomi dan catuan wang saku yang menghimpit mahasiswa menyebabkan ada dalam kalangan mereka terpaksa melakukan kerja sambilan.

"Kebanyakan mereka bekerja selepas habis kelas dan hujung minggu untuk menanggung perbelanjaan. Antara kerja sampingan ialah penghantar makanan dan sebagainya. Oleh itu, menu bajet seperti Menu Rahmah amat perlu dilaksanakan di setiap kampus," katanya.

Bakal dibincang dengan KPDN dalam penyediaan ruang program itu

Menu Rahmah dibawa ke IPT

Oleh HARRITH HISHAM

KUALA LUMPUR — Menu Ramah yang diperkenalkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan dilaksanakan di semua institusi pengajian tinggi (IPT) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, perkara itu sedang dibincangkan antara pihaknya dengan KPDN.

"Berhubung (Menu Rahmah), kita sedang bekerjasama dengan KPDN.

"Program itu memang akan dibawa masuk ke universiti dalam masa terdekat.

"Ketika ini, saya percaya pihak kementerian sedang membuat perbincangan (berhubung pelaksanaan) program ini. Saya rasa universiti di bawah KPT tidak ada masalah dalam menyediakan ruang untuk program Menu Rahmah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar selepas Majlis PraPelancaran Kampus Baharu Universiti UCSI Cawangan Bangladesh, di Hotel Le Quadri, di sini semalam.

Difahamkan, pelaksanaan program Menu Rahmah di IPT adalah bagi menggantikan Menu Siswa Keluarga Malaysia yang diperkenalkan kerajaan sebelum



MOHAMED KHALED (empat dari kiri) pada Majlis PraPelancaran Kampus Baharu Universiti UCSI Cawangan Bangladesh di Kuala Lumpur semalam.

ini.

Menu Rahmah yang baru diwujudkan merupakan hidangan makanan berharga RM5 ke bawah khusus untuk golongan miskin tegar merangkumi nasi, ayam atau ikan dan sayur.

Dalam perkembangan lain, Mohamed Khalid berkata, Universiti UCSI terus komited sebagai platform pendidikan terkemuka apabila melancarkan kampus cawangan antarabang-

sanya yang pertama di Bangladesh.

Kampus baharu itu yang dikenali sebagai Universiti UCSI Christened Bangladesh akan berpangkalan di ibu kota Dhaka yang mana operasinya bakal bermula Mei depan.

Katanya, pelancaran kampus itu amat bersesuaian dengan rancangan pengantarabangsaan KPT.

"Universiti UCSI Kampus



KERTAN Kosmo | 2 Februari 2023.

Bangladesh akan mengangkat status Malaysia sebagai hab pendidikan global dan inisiatif pasca pandemik UCSI.

Menu Rahmah: Untung sikit, niat kongsi

KUANTAN - Niat berkongsi rezeki antara faktor utama seorang peniaga makanan di Cenderawasih memilih untuk turut serta menyediakan Menu Rahmah di gerai miliknya.

Pemilik kedai Aboh Burn Corner, Noor Salina Samsudin, 56, berkata, inisiatif itu disambut baik selepas hidangan mampu milik itu mula diperkenalkan kerajaan pada Selasa lalu.

Menurutnya, walaupun keuntungan yang diperoleh sedikit namun ia dianggap sebagai satu usaha untuk membantu golongan yang memerlukan.

Noor Salina memberitahu Menu Rahmah di premisnya akan ditukar setiap hari bagi memberikan pilihan kepada pelanggan yang datang.

Malah, sejak ia diperkenalkan empat hari lalu, perniagannya mendapat sambutan dengan lebih 150 set Menu Rahmah terjual setiap hari.

"Kita bukan sahaja terima pelanggan dari kawasan Cenderawasih tetapi di luar kawasan ini juga ada membuat pesanan secara dalam talian.

"Jadi, rezeki itu bertambah bila juaf makanan pada harga sebegini dan pelanggan pula semakin ramai," katanya yang lebih 10 tahun mengusahakan



Pekerja Noor Salina menunjukkan dua Menu Rahmah iaitu ayam goreng kunyit dan ayam paprik yang ditawarkan kepada pelanggan di geraiannya pada Jumaat.

perniagaan makanan.

Ibu kepada empat anak itu berkata, dia juga sedang berusaha menyediakan set makanan berdasarkan makanan laut untuk menambah kepelbagaiannya Menu Rahmah di premisnya.

Jelasnya, pada ketika ini, perbincangan dengan pembekal sudah dilakukan bagi menentukan harga sesuai.

"Jika pembekal setuju, saya boleh mulakan menu berdasarkan makanan laut dalam masa terdekat," ujarnya.

Sementara itu, seorang pelanggan yang ditemui, Kamaluddin Ahad, 65, berkata,

program Menu Rahmah se-wajarnya mendapat sokongan bagi memberi manfaat kepada semua pihak.

Jelasnya, program Menu Rahmah ini juga dilihat dapat meningkatkan ekonomi semua pihak terutamanya peniaga.

"Pengguna juga mendapat faedah apabila harga makanan hanya RM5 dalam keadaan kos sara hidup yang semakin menghimpit semua," katanya yang merupakan seorang pesara.

Menu Rahmah yang diperkenalkan merupakan satu set makanan lengkap dengan harga berpatutan.

Menu Rahmah di universiti dalam masa terdekat - Mohamed Khaled

KUALA LUMPUR - Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan melaksanakan program Menu Rahmah di institusi pengajian tinggi dalam masa terdekat, kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Beliau berkata, pihak KPT sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk melaksanakan program berkenaan.

"KPT dengan KPDN sedang berbincang mengenai perkara ini, saya rasa (terutama) universiti dalam KPT

tiada masalah untuk menempatkan atau menyediakan ruang bagi menjayakan program ini," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan prapelancaran Universiti UCSI Kampus Cawangan Antarabangsa di Bangladesh di sini pada Jumaat.

Sementara itu, ditanya sama ada KPT akan bekerjasama dengan pihak swasta untuk menyediakan tempat tinggal ke-



MOHAMED KHALED

pada pelajar bagi menjaga kebijakan, beliau berkata, KPT dan Kementerian Kewangan sedang mencari langkah kreatif serta inovatif untuk membayai penyediaan asrama dalam kampus.

"KPT sentiasa berusaha menambah ruang bagi pelajar duduk di dalam (kawasan) kampus supaya dapat tinggal di asrama...tapi ia makan masa, lebih-lebih dalam keadaan ekonomi dan kedudukan kewangan

yang tidak begitu kukuh bagi kerajaan. Namun Kementerian Kewangan dan KPT memahami masalah ini," katanya.

Mengulas mengenai majlis prapelancaran, Mohamed Khaled berkata, penubuhan kampus Universiti UCSI di Bangladesh adalah bersesuaian dengan rancangan pengantarabangsaan yang diketengahkan oleh KPT.

"Universiti UCSI Kampus Bangladesh akan mengangkat status Malaysia sebagai hab pendidikan global dan inisiatif pascapandemik dan UCSI wajar dipuji," katanya. - Bernama

Restoran makanan segera disyor tawar Menu Rahmah

Pastikan menu itu berkualiti dan terjamin kebersihannya

Oleh NUR IFTTAH ROZLAN
SHAH ALAM

Syarikat-syarikat besar seperti restoran makanan segera disyorkan mengambil bahagian dalam inisiatif menawarkan Menu Rahmah yang diperkenalkan Kerajaan Perpaduan bermula Selasa lalu.

Timbalan Setiausaha Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Nur Asyikin Aminuddin berkata, pengusaha restoran bagaimanapun perlu memastikan hidangan dalam menu itu berkualiti dan terjamin kebersihannya, bukan sekadar gimik politik.

"Mereka boleh perkenalkan menu khas atau guna menu sedia ada. Namun pemilik restoran perlulah me-

nyediakan makanan sihat dan berkualiti untuk disajikan kepada rakyat khususnya yang kurang berkecukupan.

"Inisiatif Menu Rahmah sesuai dilaksanakan oleh restoran makanan segera kerana ia juga boleh bertindak sebagai salah satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh kedai makan terlibat," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Sebelum ini, dilaporkan lebih 15,000 restoran menawarkan Menu Rahmah berharga RM5 bagi hidangan makanan tengah hari atau makan malam untuk golongan golongan berpendapatan rendah (B40) bermula 31 Januari lalu.

Mengulas lanjut, Nur Asyikin berkata, pengusaha restoran dinasihatkan supaya mempunyai sifat empati dalam menyediakan makanan sihat dan berkualiti kepada rakyat yang kurang berkecukupan supaya kesihatan mereka sentiasa terjaga.

"Perlu diingat, tahap kesihatan kita

"...berdasarkan rancangan...
Penyelenggara...



NUR ASYIKIN

bermula daripada makanan yang sihat.

"Kita tidak mahu mereka diberbantuan pula dengan kos rawatan klinik atau hospital disebabkan mengambil makanan yang tidak sihat atau kurang bersih," katanya.

Tambah beliau, inisiatif Menu Rahmah juga seharusnya diperluas dengan lebih giat sama ada di kawasan bandar atau pedalaman di seluruh negara.

"Kalau kita lihat sebelum adanya Menu Rahmah ini memang terdapat sebilangan peniaga atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memberikan makanan secara percuma atau menjual makanan dengan harga berpatutan, cuma belum diperluas ke seluruh negeri.

"Tetapi dengan adanya inisiatif sebegini, diharap pihak pembekal juga dapat menjalankan tanggungjawab sosial masing-masing dengan memberikan harga borong berpatutan kepada peniaga yang berhasrat menawarkan menu ini," jelas beliau.

Lebih banyak francais terkemuka turut serta

SHAH ALAM - Seolah-olah menjadi satu fenomena apabila lebih banyak perniagaan francais makanan dan minuman ketika ini yang mula menawarkan Menu Rahmah.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub melalui ciapannya di Twitter menyatakan kesyukuran apabila mendapati beberapa restoran terkemuka turut menyambut baik inisiatif berkenaan.

"Alhamdulillah, lebih banyak restoran dan francais yang menyambut baik inisiatif Rahmah," katanya pada Jumaat.

Antara restoran yang mula memperkenalkan Menu Rahmah seperti yang disebut dalam Twitter Salahuddin termasuk pembekal makanan dan minuman terkemuka, Chatime Malaysia Sdn Bhd (Chatime) dan Restoran Mios Kitchen.

Sementara itu, Salahuddin menerusi satu hantaran video di laman sosial saria menyifatkan Menu Rahmah sebagai menu 'kasih sayang' yang diperkenalkan untuk setiap rakyat Malaysia.

"Menu Rahmah ini adalah menu rakyat, menu untuk semua orang. Jadi sesiapa yang merasakan perlu untuk mendapatkan menu ini, hanya RM5 sahaja. Siapa pun boleh nikmati Menu Rahmah kerana ia menu rakyat, menu kasih sayang," ujarnya.

Dalam pada itu, ruangan komen ciapan Ahli Parlimen Pulai itu turut dibanjiri dengan pelbagai pandangan daripada netizen.

Antaranya pengguna Twitter dengan nama akaun @NurulRa1412 berharap agar inisiatif yang dilaksanakan itu akan terus berkekalan, bukan sekadar mengikut trend semata-mata.

Menurut pengguna akaun @Reizki9 pula, tawaran Menu Rahmah oleh francais-francais berkenaan diharap dapat diluaskan ke lebih banyak lokasi di seluruh negara.

Mydin perluas Menu Rahmah ke seluruh negara

KUALA LUMPUR - Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) memperluaskan Program Menu Rahmah ke semua cawangannya di seluruh negara.

Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin berkata, meskipun harga kos bahan mentah di Sabah dan Sarawak lebih tinggi berbanding di semenanjung, pihaknya tetap bertekad menawarkan menu makanan bawah RM5 di seluruh negara.

"Seperti yang kita maklum kos bahan mentah di Sabah dan Sarawak

lebih mahal. Contohnya di Mydin Sandakan, harga bagi satu kilogram (kg) ayam mentah RM12 berbanding di semenanjung yang harganya RM9.40.

"Kita (Mydin) berjanji akan buat Menu Rahmah hari ini (Jumaat) atau esok (hari ini) di Sandakan dan dua cawangan (Mydin) di Kuching, supaya pengguna di Sabah dan Sarawak tidak ketinggalan Menu Rahmah yang berharga RM4.90 itu," katanya dalam Program Temubual Esklusif yang bertajuk 'Inisiatif Menu Rahmah' di

Bernama Radio pada Jumaat.

Sementara itu, Ameer Ali berkata, seiring dengan program berkenaan, pihaknya turut menawarkan menu sarapan pagi dengan 10 variasi makanan dengan harga serendah RM2.50.

"Kita (Mydin) sekarang turut memperkenalkan menu sarapan pagi, pelanggan boleh memilih 10 variasi hidangan dengan harga RM2.50, malah kami turut mengekalkan rempah ratus yang digunakan supaya rasanya tetap sama, dan kita kena adil," katanya.



Pembantu jualan, Mohd Hafizuddin Abd Rahim, 19, menyusun juadah makanan yang telah siap dibungkus di pasar raya Mydin dekat Ayer Keroh pada Jumaat.

600 RESTORAN MILIK AHLI SAHABAT TOMYAM TAWAR MENU RAHMAH

TAK DIPAKSA, TAPI DIGALAK

Kuala Lumpur

Pengusaha makanan dan minuman perlu bekerjasama dalam menjayakan seruan kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup menerusi pelaksanaan Program Menu Rahmah.

Penasihat Pertubuhan Sahabat Tomyam Prihatin Selangor (Sahabat Tomyam), Che Mamad Che Mod berkata, pemain industri makanan tidak harus memikirkan keuntungan semata-mata, sebaliknya cara meringankan beban yang ditanggung golongan berpendapatan rendah termasuk Bao dan asnaf.

"Kita (Sahabat Tomyam) menjayakan program ini dengan kerajaan supaya rakyat yang sedang mengalami kesusahan hidup dapat mengalas perut dengan menu yang lengkap pada harga yang berpatutan," katanya sebagai tetamu dalam program Malaysia Petang Ini: Menu Rahmah Bantu Rakyat Jimat terbitan Bernama TV.

Dalam pada itu, beliau

Sahabat Tomyam sedang menyelaras pelancaran pelaksanaan Menu Rahmah oleh ahli pertubuhan itu di seluruh negara"

Che Mamad Che Mod



PEMBANTU jualan, Mohd Hafizuddin Abd Rahim, 19, menunjukkan juadah makanan yang siap dibungkus untuk pelanggan ketika tinjauan mengenai inisiatif Menu Rahmah di pasar raya Mydin dekat Ayer Keroh, Melaka. Menu Rahmah menawarkan nasi, ikan atau ayam dan sayur dengan harga RMS yang dilancar kerajaan pada Selasa lalu. Pada Rabu, media melaporkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub melancarkan inisiatif Menu Rahmah dan sebanyak 15,000 premis menjual makanan turut serta melaksanakan usaha berkenaan bagi membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

berkata, Sahabat Tomyam sedang menyelaras pelancaran pelaksanaan Menu Rahmah oleh ahli pertubuhan itu di seluruh negara.

Katanya, penyerahan bukan secara paksa, tetapi amat dialu-alukan.

"Untuk peringkat awal dijangkakan sebanyak 500

atau 600 restoran (milik ahli Sahabat Tomyam) di seluruh Malaysia akan menawarkan Menu Rahmah terbabit," katanya.

Sebelum ini, Program Menu Rahmah dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Datuk Seri Salahud-

din Ayub pada 31 Januari lalu dengan tujuh persatuan restoran termasuk Sahabat Tomyam terbabit dalam program itu.

PP413/09/2012 [030687] | FEBRUARY 4, 2023 | SATURDAY | RM2.00



* NST EXCLUSIVE *

A BIGGER RAHMAH

DOMESTIC Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub announces expansion of the scheme to help more people cope with rising prices. Rahmah, which means compassion in Arabic, targets university students, the B40 group and the hardcore poor.

» REPORTS ON PAGES 2 & 3

BAKUL
RAHMAH

- A family categorised as hardcore poor will be provided with a food basket worth between RM50 and RM100 each month.
- Will include basic necessities such as rice, flour, biscuits, sardines and instant noodles.
- At least 127,000 families to benefit.

JUALAN
RAHMAH

- Participating hypermarkets will offer 1,000 items at prices 3 to 30 per cent lower.

PAKEJ
RAHMAH

- Participating supermarkets will zero in on 12 fast-moving items, and offer them at lower prices.
- These include milk, fruits and vegetables.



Menu Rahmah to add non-halal eateries

KUALA LUMPUR: The RMS Menu Rahmah programme being offered at 15,000 halal outlets will be expanded to include non-halal restaurants.

This addition to the list will cater to non-Muslims who may prefer non-halal meat like pork to chicken or fish being offered at Indian Muslim and Tomyam food outlets.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said the ministry would be engaging with industry players on the menu to ensure the plan's practicality.

"I will discuss with them (food industry players) on the suitability of the menu."

"If it's pork, then what kind and which part would be suitable as there may be premium cuts, just like chicken," he said, adding that the ministry had been taking

note of the non-Bumiputera community's request for food aid.

Salahuddin said the introduction of the non-halal RMS Menu Rahmah was part of a slew of initiatives that the ministry was introducing and sustaining.

Patrons of several non-halal eateries the *New Straits Times* met welcomed the ministry's latest initiative, saying it would help them massively with savings.

Teo Cheng Huat, 60, said he would be able to save about RM2 per meal with the non-halal Menu Rahmah.

Teo, who is a food server, said he would usually spend between RM7 and RM8 for his daily mixed rice.

He said although pork was slightly more expensive, he was excited and looking forward to trying the menu at participating eateries.

Businessman Manoj Kamar, 45, commended the extension of the Menu Rahmah to non-halal eateries, saying that it was a fair initiative for all Malaysians.

"This is fair for all because usually for RM5, you should be able to get either halal or non-halal meat as part of your dish."

He said the initiative should be continued for a couple of years and not as a one-off programme.

Housewife Connie Lugun, 57, said the new menu would allow her to stretch her ringgit as her lunch at a non-halal eatery would cost RM10 on average.

The rising cost of food, she said, took her by surprise as the same chicken and rice meal her son had for RM3 in 2018 now costs RM7.

"It's a good initiative and I can't wait to try it. I am also happy to be able to cut my spending by half."

HARI : SABTU
TARIKH : 4/2/2023
M/SURAT : 3



Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub says the Rahmah initiative symbolises how the people can stand together under one roof during difficult times. PIC BY ASWADI ALIAS

Mydin to expand RM5 meal offer to all branches nationwide

KUALA LUMPUR: Mydin Mohamed Holdings Bhd (Mydin) is committed to extending the Menu Rahmah programme to all its branches nationwide, said its managing director, Datuk Ameer Ali Mydin.

He said even though the cost of raw materials in Sabah and Sarawak was higher than in the peninsula, the company would still offer low-priced dishes to its customers all over the country.

"For example, in Mydin Sandakan, the price for 1kg of chicken is RM12 compared with RM9.40 in the peninsula.

"However, we have promised to offer Menu Rahmah in Sandakan and two other branches in Kuching today or tomorrow (yesterday and today) so that people in

Sabah and Sarawak can enjoy food priced at RM4.90," he told Bernama Radio yesterday.

Ameer Ali said Mydin also offered a breakfast menu with 10 dishes for as low as RM2.50.



Datuk Ameer Ali
Mydin

He said Menu Rahmah was suitable for small-scale food traders as they had lower overhead costs compared with restaurants.

"For example, an Indian Muslim restaurant has to pay rent of RM20,000, but a small trader may only have to pay for a licence or rent to the local authority and others for around RM100 to RM200. However, the initiative is good for the company's marketing and will help people who cannot afford to fill their empty stomachs." **Bernama**

Pak Mus eatery offers first Menu Rahmah in Sabah

KOTA KINABALU: Although the Menu Rahmah initiative has yet to be expanded to Sabah, Pak Mus Restaurant here started offering the affordable balanced meal yesterday.

Musli Oli, 63, the owner of the restaurant, located at Tanjung Aru Plaza, here, decided to offer the Menu Rahmah from 10.30am to 2.30 pm daily.

"InsyaAllah, Pak Mus Restaurant will offer Menu Rahmah daily to customers who come here," he said yesterday.

The Menu Rahmah initiative, mooted by the federal government, comprises a balanced meal that includes rice, a choice of protein, either chicken or fish, and vegetables, which is being offered to those affected by the increase in the cost of living.

Musli said the nutritious and balanced menu offered to customers at RMS each consisted of rice, a choice of chicken or fish, vegetables and syrup.

He said his initiative was in response to the government's call to reduce the cost of living for the people, especially in the state.

On Thursday, Parti Warisan (Warisan) vice-president Datuk Junz Wong lauded the Menu

Rahmah initiative mooted by the federal government, and urged the Sabah government, led by Gabungan Rakyat Sabah (GRS), to implement it in the state.

Meanwhile, customer Ramli Halim, 50, who is self-employed, said the initiative to offer Menu Rahmah not only helped the target groups but also all levels of society.

He said the average expenditure for a meal per day was estimated to be up to RM50 per person and that amount was quite high for those who had a large family.

"Menu Rahmah is a really good move because it not only helps the poor but also all the workers because even ordering online is expensive. We want a cheap price and this menu is economical," said Ramli, a Kota Kinabalu native.

Civil servant Santy Ahmad, 42, expressed hope that restaurants in every district in the state would also offer Menu Rahmah so that the government's efforts could be enjoyed by everyone from all walks of life.

She said the initiative, to some extent, was able to ease the burden of rural communities, and for them to enjoy the government's effort to help those in need.

Bernama



Musli Oli

Khaled: Menu Rahmah in IPTs soon

KUALA LUMPUR: Efforts are underway to serve Menu Rahmah in higher learning institutions soon, says Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

The Higher Education Minister said his ministry is currently working with the Domestic Trade and Cost of Living Ministry to realise the plan.

It will especially benefit students from the B40 group.

"Both ministries are currently in talks over the matter, and I think it will be no problem for universities under the Higher Education Ministry (MOHE) to provide space for this programme," he told a press conference following the pre-launch of UCSI University's international campus in Bangladesh here yesterday, according to Bernama.

On Tuesday, Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said people can now enjoy lunch and dinner for RM5 per meal at nearly 15,000 food outlets nationwide through the Menu Rahmah initiative.

Meanwhile, when asked if MOHE will work with the private sector to provide accommodation for students to take care of their welfare, Mohamed Khaled said the ministry and the Finance Ministry (MOF) are looking for creative and innovative ways to finance the provision of hostels on campus.

"MOHE always strives to provide more space for students to stay on campus, but it takes time, given the government's financial situation. But MOF and MOHE understand this problem," he said.

Commenting on yesterday's event, Mohamed Khaled said the establishment of the UCSI University campus in Bangladesh is in line with the internationalisation plan highlighted by MOHE.

"The UCSI University Bangladesh will raise Malaysia's status as a global education hub, and I commend UCSI for this post-pandemic initiative. I encourage more private universities to follow the same path," he said.

The UCSI University Bangladesh in Dhaka will commence operations in May, offering 24 degree and master's programmes in business, computer science, engineering, architecture, social sciences and design.

The campus is expected to have around 5,000 students within seven years.



KPDN Perak menemui 11 tangki fiber berisi diésel di sebuah premis dalam Kawasan Perindustrian Teluk Anson.

Sorok 11,000 liter diesel dalam 11 tangki

Teluk Intan: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak merampas 11,000 liter diesel bersubsidi di sebuah premis di Kawasan Perindustrian Teluk Anson, dekat sini, jam 9 pagi kelmarin.

Diesel berkenaan diisi dalam 11 tangki fiber.

Ketua Pengawatkuasa KPDN Perak Mohamed Aznanshah Khalid berkata, terdahulu, pihaknya mene-mui dua lori tanah bertutup kanvas dengan tangki skid di atasnya.

"Tangki skid itu diperca-

yai digunakan untuk mengumpul diesel dibeli di stesen minyak sekitar Teluk Intan melalui tangki minyak asal yang diubah suai.

"Hasil siasatan, premis terbabit tiada lesen atau kebenaran sah menyimpan diesel ini.

"Seorang lelaki berumur 40 tahun ditahan untuk membantu siasatan," katanya dalam kenyataan.

Diesel serta lori terbabit yang bernilai keseluruhan lebih RM200,000 disita bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : **SABTU**
TARIKH : **4/2/2023**
M/SURAT : **16**

	Ayam RM7.99	Telur Gred A RM12.75	Gula Pasir RM2.80	Cili Merah RM8.99
Senarai Harga Barang Keperluan	Daging Lembu Tempatan RM38	Ikan Kembung RM12.00	Bawang Besar Holland RM2.99	Kubis Bulat Tempatan RM 2.45
	Daging Lembu Import RM42.50	Miryak Masak RM6.82	Bawang Putih RM4.99	Tepung Gandum RM3.00

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN



KERATAN AKHBAR (AGENSI KPDN)

4 FEBRUARI 2023 (SABTU)

SSM cadang semak semula nilai ambang pengecualian audit

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bercadang untuk menyemak semula nilai ambang kriteria kelayakan bagi pengecualian audit bagi kategori syarikat persendirian tertentu.

SSM dalam satu kenyataan berkata, cadangan semakan semula itu akan dijalankan melalui kaedah konsultatif dengan menerbitkan Dokumen Konsultasi berhubung Cadangan Semakan Kriteria Pengecualian Audit bagi Syarikat Persendirian di Malaysia.

Ia berkata, kriteria kelayakan bagi pengecualian audit telah diperkenalkan pada 4 Ogos 2017 Arahan Amalan No. 3/2017 selaras dengan polisi untuk mengurangkan beban pematuhan dan pentadbiran yang dihadapi oleh syarikat kecil dalam mematuhi kehendak Akta Syarikat 2016.

"Bagi memastikan objektif polisi kekal relevan dan bermanfaat, SSM menca-

dangkan agar nilai ambang kriteria kelayakan pengecualian audit dinaikkan bagi membolehkan lebih banyak syarikat terutamanya Perusahaan Kecil dan Seiderhana (PKS) mendapat manfaat daripada polisi ini," katanya.

SSM berkata, kriteria kelayakan baharu dicadangkan akan merangkumi tiga kategori syarikat swasta iaitu syarikat dorman, syarikat sifar pendapatan dan syarikat berkelayakan nilai ambang.

Buat masa sekarang, katanya, syarikat persendirian boleh mengenepikan keperluan daripada diaudit sekiranya kriteria kelayakan sedia ada dipenuhi.

Dokumen konsultasi boleh diakses melalui Portal SSM dan semua platform media sosial rasmi SSM.

Oleh itu, SSM mempelawa komen berhubung dokumen konsultasi melalui emel kepada lrpia@ssm.com.my sebelum 28 Februari 2023.